

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
[ARAU]
TARIKH : **19 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN : **10**

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lambakan orang asing yang datang ke Malaysia berleluasa melakukan aktiviti perniagaan seperti kedai makan, kedai runcit dan lain-lain lagi. Terdapat juga di kalangan mereka ini mencuri tanah di Cameron Highlands serta di lain-lain tempat dan akibatnya suasana telah menjurus ke “carca merba” sehinggakan orang tempatan pula telah hilang hak mereka. Apakah usaha oleh pihak Kerajaan untuk menbanteras aktiviti ini serta apakah usaha untuk menangkap mereka ini dan menghantar pulang ke negara asal.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari segi lambakan orang asing di Cameron Highlands, menurut data daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), kebanyakan mereka adalah pekerja di Cameron Highlands. Sebanyak 8,133 Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) telah dikeluarkan oleh JIM di Cameron Highlands sahaja sehingga Disember 2018.
2. Dari segi penguatkuasaan pula, sejak Op Gading dilancarkan di Cameron Highlands pada hujung tahun 2014 sehingga Disember 2018, sebanyak 390 operasi telah dilakukan melibatkan 4,794 orang telah diperiksa dan seramai 1,962 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap.
3. Dari segi pencerobohan tanah atau 'curi tanah' kerajaan, semenjak Op Gading dijalankan di Cameron Highlands, seluas 5,580 ekar tanah kerajaan telah dikesan diceroboh oleh peneroka-peneroka atau pekebun-pekebun haram. Sehingga kini seluas 4,887 ekar (88%) telah berjaya dimusnahkan dan diambil semula oleh kerajaan melalui Op Gading.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tindakan undang-undang juga telah diambil ke atas peneroka-peneroka haram di Cameron Highlands di mana sebanyak 85 Kertas Siasatan telah dibuka, 71 kes dalam siasatan dan 14 kes telah dituduh di mahkamah dan hasilnya 3 kes telah dijatuhkan hukuman penjara 5 minggu beserta denda; 10 kes dijatuhkan hukuman denda (RM380,000 keseluruhannya) dan 1 kes dibebaskan.

5. Pihak PDTCH juga baru-baru ini telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan dari Jun hingga Ogos 2018 ke atas 11 lokasi penerokaan tanah kerajaan tanpa izin termasuk tindakan memusnahkan tanaman dan struktur kekal. Begitu juga tindakan memberi notis dari Disember 2017 hingga September 2018 telah dikeluarkan kepada 23 penerokaan tanah kerajaan tanpa izin. Yang terbaru ialah tindakan PDTCH merobohkan kebun sayur haram pada akhir Februari 2019 melibatkan 4 kawasan (lebih kurang 11.8 ekar) penerokaan tanpa izin.

6. Daripada laporan-laporan dan data-data yang diterima, didapati tiada rekod mengatakan lambakan orang asing telah 'mencuri tanah' kerajaan di Cameron Highlands.

Sekian, terima kasih.